

# Suburkan budaya inovasi di Melaka



**FAIRUL Nizam** ketika merasmikan Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Kolej Vokasional Melaka Tengah.

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BUKIT KATIL** - Kerajaan Negeri berhasrat memperbanyakkan lagi program-program inovasi di Negeri Melaka, khususnya membabitkan generasi muda.

Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri Datuk Fairul Nizam Roslan berkata, ia bertujuan menyahut hasrat dan matlamat kerajaan untuk menyuburkan lagi budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Menurut beliau, pertandingan seumpamanya dapat menjadi platform untuk mereka yang terlibat menyumbang idea, selain menunjukkan kemampuan mencipta atau menemui sesuatu yang baharu dalam bidang masing-masing.

"Pertandingan ini begitu signifikan kerana ia berupaya mencetus kepada kreativiti memerah idea bagi mencetuskan sesuatu keunikan yang boleh dimanfaatkan rakyat dan keberhasilan negara.

"Semoga setiap usaha yang kita rencanakan ini memenuhi agenda yang dihasrat-

kan dalam usaha menjayakan impian Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 di Kolej Vokasional Melaka Tengah, di sini, 24 April lalu.

Menurut Fairul Nizam, pertandingan itu disertai 30 pelajar membabitkan lapan buah kolej vokasional zon Selatan iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Ujar beliau, pertandingan tersebut bertujuan meningkatkan kemahiran serta menggalakkan daya kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga kolej vokasional, selain memperkasa bidang kemahiran di negara ini.

"Semoga usaha-usaha yang dilaksanakan dapat memastikan warga kolej vokasional terus bergerak pantas serta berfungsi dengan berkesan kepada masyarakat dan pada masa sama memastikan institusi pengajian ini terus relevan dan diperlukan dalam memancu pembangunan negara," katanya.